

BB Charity Charity salur bantuan kepada 1,500 penerima



Agihan bantuan kepada salah seorang penerima.

KUALA LUMPUR - Karnival Kebajikan Bukit Bintang atau lebih sinonim dengan BB Charity Charity salur bantuan kepada 1,500 penerima tahun ini.

Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan KK, Datuk Seri Dr KK Chai berkata, karnival ini tidak asing bagi warga kota dan paling dinantikan setiap kali sebelum sambutan Tahun Baru Cina.

Menurutnya, karnival kebajikan ini telah bermula sejak 2006 dan memasuki tahun ke-17 dengan meraikan sekurang-kurangnya 1,000 penerima bantuan setiap tahun.

"Mereka yang diraikan terdiri war-



KK Chai (berdiri, enam dari kanan) bergambar bersama penerima bantuan.

ga emas berumur 55 tahun dan ke atas, ibu tunggal, anak yatim, golongan gelandangan serta orang kurang upaya (OKU).

"Karnival ini dianjurkan Pertubuhan Kebajikan Harmoni Bukit Bintang Kuala Lumpur dan disokong KK Supermart & Superstore Sdn Bhd (KK Super Mart) dengan kerjasama Dewan Perhimpunan Cina Malaysia," katanya pada Karnival Kebajikan Bukit Bintang di pekarangan KK Super Mart, Bukit Bintang pada Sabtu.

Hadir pada acara itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Datuk Mohd Ajib Ismail; Penasihat Kelab Rela

Kehormat & Bersekutu Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Michael Chong dan Ketua Paderi Besar Buddha Malaysia, Datuk K Sri Dhammaratana.

KK Chai berkata, karnival tersebut diadakan setiap tahun melainkan pada 2021 dan 2022 apabila tiada sebarang aktiviti kebajikan dijalankan sebagai langkah keselamatan ketika pandemik Covid-19.

"Saya gembira dan terharu kerana dapat meneruskan karnival tahunan ini dan kita boleh lihat kegembiraan pada wajah penerima bantuan.

"Terima kasih kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, polis, Alam

Flora, Rela, vendor, para penaja serta 250 sukarelawan dalam ka-kitangan KK Super Mart dan persatuan yang bersatu hati merealisasikan Karnival Kebajikan Bukit Bintang," ujar beliau.

Beliau berharap karnival itu diteruskan setiap tahun dan menggalakan kerjasama daripada syarikat lain untuk turut serta.

Karnival bermula jam 3 petang itu diserikan dengan acara agihan ang pau dan beg mengandungi keperluan makanan disusuli persembahan Shaolin oleh Shaolin Zen Material Art dan Tarian 1 Malaysia dari Aswara Malaysia.